



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 9/1976**

**Nasihat Penasihat Undang-undang Negeri Mengenai Pelaksanaan  
Kanun Tanah Negara 1965 Dan Undang-undang Tanah Yang Lain  
(Disemak 2007)**

---



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR  
PUTRAJAYA**



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 9/1976**

**Nasihat Penasihat Undang-undang Negeri Mengenai Pelaksanaan Kanun Tanah  
Negara 1965 Dan Undang-undang Tanah Yang Lain (Disemak 2007)**

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihat Pengarah Tanah dan Galian dan Pentadbir Tanah mengenai perlunya Jabatan ini diberitahu tentang nasihat yang diperolehi daripada Penasihat Undang-undang Negeri mengenai pentafsiran peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara 1965 dan undang-undang tanah yang lain serta cara-cara pelaksanaannya.

2. Pentadbir Tanah hendaklah mendapatkan nasihat daripada Pengarah Tanah dan Galian mengenai pentafsiran Kanun Tanah Negara 1965 dan undang-undang tanah yang lain serta cara-cara pelaksanaannya. Pihak Pengarah Tanah dan Galian pula hendaklah merujuk perkara-perkara itu kepada Penasihat Undang-undang Negeri bagi memperolehi nasihat-nasihat yang diperlukan.

3. Memandangkan kepada kedudukan dan tanggungjawab Penasihat Undang-undang Negeri, nasihat-nasihat yang diberinya itu hendaklah diterima dan dilaksanakan kecuali Pengarah Tanah dan Galian atau Pentadbir Tanah mendapati nasihat yang diterima tidak selaras dengan mana-mana peruntukan Kanun Tanah Negara 1965 atau undang-undang tanah yang lain dan Penasihat Undang-undang hendaklah segera dirujuk untuk semakan semula nasihat berkenaan.

4. Untuk menjamin persamaan dalam sistem pelaksanaan Kanun Tanah Negara 1965 dan undang-undang tanah yang lain di sebelas buah negeri dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya di Semenanjung Malaysia, semua Pentadbir Tanah hendaklah menyampaikan salinan surat pertanyaan dan jawapan yang diperolehi daripada Pengarah Tanah dan Galian kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian serta Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN).

**Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan**